

## IKLAN JAWATAN KOSONG

**Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)** mempelawa warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman kerja dalam bidang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

### JAWATAN: EKSEKUTIF

Kumpulan : Pengurusan  
Jabatan : Pejabat Dekan  
Taraf Jawatan : Kontrak  
Lokasi : UMCCed, Cyberjaya

Gaji : RM1,960.00 (Min.) – RM5,459.00 (Maks.)  
Elaun : RM570.00  
Cuti tahunan : 21 hari

### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Lelaki berumur tidak kurang 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam Perniagaan atau Pemasaran, atau dalam bidang yang berkaitan dan khusus untuk fungsi yang diadakan dalam portfolio Strategi Korporat.
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Mempunyai pengalaman kerja dalam melaksanakan penyelidikan tidak kurang daripada satu (1) tahun.
- Berkebolehan bertutur dengan fasih dan menulis dengan baik dalam Bahasa Inggeris serta Bahasa Melayu.
- Berkemahiran menggunakan aplikasi *Windows (Microsoft Office, Excel dan Powerpoint)* serta perisian-perisian lain yang biasa digunakan untuk penyelidikan.
- Berperwatakan menarik, mempunyai kemahiran komunikasi, berdisiplin tinggi, proaktif dan interpersonal yang baik
- Berpengalaman bekerja di institusi pengajian tinggi (awam/swasta).
- Bersedia bekerja dalam pasukan serta berkebolehan melaksanakan tugas pelbagai (*multi-tasking*).
- Bersedia bekerja di luar waktu bekerja dan di luar kawasan dengan pengawasan yang minimum.

## DESKRIPSI TUGAS:

- Bertanggungjawab untuk menjalankan analisis mengenai isu dan inisiatif pengurusan sumber yang kompleks yang melibatkan organisasi, dan menyediakan laporan atau analisa kepada pengurusan UMCCed dan sokongan yang relevan untuk penyediaan laporan berkaitan atau melibatkan jabatan.
- Membuat kajian dan penggubalan dasar serta strategi UMCCed supaya ia sentiasa selari dan relevan dengan perubahan semasa dan menjadikan UMCCed kekal dan berdaya saing.
- Melaksanakan pelbagai fungsi termasuk menyediakan sokongan pentadbiran peringkat tinggi dalam pelbagai aspek organisasi.
- Menyedia, menyelaras dan memantau pelaksanaan dan pencapaian *key performance indicator* (KPI) atau strategi UMCCed.
- Menjalankan penyelidikan dalam bidang sains sosial, kemanusiaan, pengurusan, ekonomi, pentadbiran awam & polisi atau lain-lain bidang yang berkaitan termasuk mereka bentuk kajian, pengutipan dan penganalisaan maklumat serta penilaianya, ke atas dasar-dasar dan program-program pembangunan akademik.
- Menguruskan seluruh proses penyelidikan termasuk libat urus dengan responden pensampelan kajian.
- Menjalankan lain-lain tugas yang berkaitan sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## LAIN-LAIN FAEDAH

- ✓ Caruman KWSP majikan: 17%
- ✓ PERKESO
- ✓ Skim perubatan (rawatan pesakit luar/dalam)
- ✓ Bonus tahunan (tertakluk kepada keuntungan)

## PROSEDUR PERMOHONAN:

- (1) Permohonan jawatan-jawatan di atas perlu dibuat secara dalam talian (*online*) melalui sistem <https://career.umcced.edu.my/>.
- (2) Tarikh tutup permohonan adalah pada **30.6.2023 (Jumaat)**.

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pemohon yang telah menunjukkan minat dalam organisasi kami. Walau bagaimanapun, hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga. Kepada pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan, sila anggap bahawa permohonan anda tidak berjaya.